

29/11/1998

Pita rakaman jadi tanda tanya

KUANTAN: Kerajaan tidak mengetahui bagaimana pita rakaman mesyuarat tertutup membabitkan ahli Majlis Tertinggi (MT) Umno berhubung keputusan pemecatan Datuk Seri Anwar Ibrahim, boleh diedarkan secara berleluasa kepada orang ramai.

Bagaimanapun, pengedaran pita rakaman itu kepada orang awam menunjukkan sesuatu yang `tidak kena' berlaku terhadap keselamatan penyimpanan pita rakaman berkenaan.

Naib Presiden Umno, Datuk Seri Najib Tun Razak, berkata orang ramai yang mendengar pita rakaman itu boleh membuat penilaian sendiri berhubung pemecatan Anwar yang dilakukan Presiden parti, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Katanya, menerusi pita rakaman itu juga, orang ramai mengetahui siapa yang menyokong dan siapa yang tidak menyokong keputusan Presiden itu.

Menurutnya, setakat ini, pengedaran pita rakaman berkenaan tidak menimbulkan masalah di kalangan ahli parti kerana Umno mempunyai perlembagaannya sendiri dan keputusan pemecatan Anwar sudah dimaklumkan kepada semua ahli MT.

"Saya sendiri belum mendengar pita rakaman itu, sama ada ia menyiarkan rakaman penuh mesyuarat berkenaan atau rakamannya sudah disunting," katanya di Kuantan, semalam.

(END)